

- 2 Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kepentingan tempat bersejarah. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Negara Malaysia pernah dijajah oleh beberapa buah negara pada masa dahulu, iaitu Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Dengan itu, negara kita mempunyai banyak tempat tinggalan sejarah yang menjadi perhatian para pelancong. Antaranya ialah Kota A' Famosa di Melaka, Bukit Kepong di Johor dan Bukit Melawati di Kuala Selangor. Sesungguhnya, terdapat banyak kepentingan tempat bersejarah kepada kita semua.

Antara kepentingan tempat bersejarah ialah dapat menanam semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat. Kita dapat memahami dan menghargai pengorbanan pejuang tanah air yang tidak ternilai harganya. Contohnya Mat Kilau, Dol Said dan Datuk Maharaja Lela. Lantaran itu, dapat dijadikan pembakar semangat untuk generasi seterusnya mempertahankan kemerdekaan negara.


Tempat-tempat ini juga dapat dijadikan sumber pengajaran dan pembelajaran murid-murid selain daripada buku rujukan. Setelah melihat bahan tinggalan sejarah dalam situasi yang sebenar, murid-murid dapat menghayati erti kebebasan dan kemerdekaan seterusnya memberikan anjakan positif dalam pemikiran.

Tempat bersejarah yang ada di negara kita juga dapat memajukan industri pelancongan negara. Hal ini demikian kerana pelancong asing dan pelancong tempatan suka akan nilai sejarah. Mereka berminat untuk melihat keaslian bangunan tinggalan sejarah. Kehadiran pelancong memberikan banyak manfaat kepada banyak pihak. Antara yang menerima kesannya ialah para peniaga tempatan. Peniaga tempatan boleh memperkenalkan hasil kraf tangan, makanan tradisional, pakaian kebudayaan dan sebagainya. Secara tidak langsung, ekonomi negara dapat ditingkatkan.

Kesimpulannya, tempat bersejarah yang ada hendaklah kita pelihara sebagai khazanah negara. Marilah kita sama-sama menjaganya dan tidak mengharap kepada pihak tertentu sahaja. Hal ini boleh dikaitkan dengan peribahasa 'bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat'. Permuafakatan semua pihak bakal menjayakan matlamat kita, iaitu menjadikan tempat-tempat ini terus kekal sebagai sesuatu yang tidak ternilai.

Bahagian A
[10 markah]
[Masa disediakan: 15 minit]

1. Berdaraskan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Bagian B
[25 markah]
[Masa dicadangkan: 45 minit]

- 1 Dalam iklan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

sinaran suara

Pihak syarikat kami ingin mempelawa individu yang mempunyai kelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

Calon hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- 1 Memiliki diploma dalam bidang system pendawaian
- 2 Mampu bekerja di bawah tekanan dan pengawasan yang minima
- 3 Mempunyai tubuh badan yang sihat dan daya penglihatan yang baik

Faedah bekerja di syarikat kami:

- 1 Potongan KWSP dan PERKESO
- 2 Elaun bekerja lebih masa
- 3 Cuti tahunan untuk semua kakitangan



Sila hantar borang permohonan melalui e-mel sinaran_suara@gmail.com
Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 November 2020

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Yatimah menganggap kerugian yang dirasai semasa menjalankan perniagaan merupakan asam garam yang perlu ditempuhi dengan tabah.

- (ii) Pihak berkuasa sedang menggiatkan semakan bagi menangkap pendatang asing tanpa izin untuk dihantar semula ke negara asal.

Jawab soalan – soalan di bawah ini berdasarkan novel – novel yang berikut:

- i. Destinasi Impian karya Mohd Ismail Sarbini.
- ii. Meniti Impian karya Oman Ayob
- iii. Tawanan Komandan Caucasus karya Ruzaini Yahya

a) Huraikan dua latar masyarakat dalam sebuah novel yang anda kaji. (7 markah)

b) Peristiwa – peristiwa yang terdapat dalam novel mempunyai pelbagai teladan yang boleh dicontohi oleh pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan dua peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

(8 Markah)